

**PERNYATAAN PENTING  
UNTUK PERSIDANGAN HARI PERINGATAN 2023**

**Untuk mengambil Kristus sebagai segala-gala  
dan beroleh Dia dalam segala sesuatu,  
kita harus belajar menyangkal diri kita  
dan berpaling kepada roh kita secara berterusan.**

**Kita perlu bersatu dalam sukma untuk menikmati Kristus  
dengan memikirkan satu hal itu,  
dengan bersatu dengan Kristus dalam bahagian dalaman-Nya,  
dan dengan membenarkan Tuhan beroperasi dalam kita  
supaya kita berazam dan bekerja untuk kegirangan-Nya.**

**Sama seperti Paulus, kita harus beraspirasi  
untuk mengenali dan mengalami Kristus,  
kudrat kebangkitan-Nya, dan persekutuan penderitaan-Nya  
serta dikonform kepada kematian-Nya  
yang merupakan acuan kehidupan orang Kristian.**

**Kita perlu dikonform kepada kematian Kristus  
supaya kita dapat mencapai kebangkitan unggul;  
inilah satu-satunya jalan untuk Tuan terus maju dalam pemulihan-Nya,  
satu-satunya jalan untuk membina gereja-Nya,  
satu-satunya jalan untuk pengantin perempuan mempersiapkan dirinya,  
dan satu-satunya jalan untuk Tuan kembali.**

**Garis Kasar Mesej untuk Persidangan Hari Peringatan  
26-29 Mei 2023**

**SUBJEK AM:  
MENGENALI, MENGALAMI, DAN MENIKMATI KRISTUS  
YANG DIWAHIKAN DALAM BUKU FILIPI**

Mesej Satu

**Mengambil Kristus sebagai Segala-gala untuk Beroleh-Nya  
dengan Menyangkal Diri Kita  
dan Berpaling kepada Roh Kita**

Bacaan Bible: Mat. 3:17; 12:18; 16:24; Mrk. 9:7-8; 2 Kor. 2:10; Gal. 1:15a, 16a; Kol. 2:16-17

**I. Kristus ialah hasrat hati Tuhan—Mat. 3:17; 12:18; 17:5; Gal. 1:15a, 16a:**

- A. Hasrat hati Tuhan ialah setiap orang, setiap perkara, dan setiap benda dalam alam semesta akan mengekspresikan Kristus; apabila segala sesuatu disatukan di bawah satu kepala dalam Kristus, akan wujudlah damai sejahtera dan keharmonian yang menyeluruh, dan segala-gala dalam alam semesta akan mengekspresikan Kristus—Kol. 1:15-19; 3:10-11; Ef. 1:10, 22-23; 4:15-16; Yes. 55:11-13.
- B. Kita wujud untuk ekspresi Kristus, kita memberitakan injil untuk ekspresi Kristus, kerja kita adalah untuk ekspresi Kristus, dan gereja adalah untuk ekspresi Kristus—43:7; 2 Kor. 4:5; 1 Kor. 15:58; Yoh. 17:23; Ef. 1:23; 3:19-21.
- C. Kristus ialah realiti setiap hal positif dalam alam semesta—Kol. 2:16-17:
  1. Seluruh alam semesta ialah satu lukisan besar yang dilukis oleh Tuhan; lukisan ini membicarakan Kristus, menghuraikan Kristus, dan adalah untuk mengekspresikan Kristus—1:15-17; Mzm. 19:1-6; Roma 1:20; Ibr. 11:3.
  2. Setiap hari kita makan dan minum Kristus, setiap minggu kita beroleh kelengkapan dan rehat dalam-Nya, setiap bulan kita mengalami permulaan baru dalam-Nya, dan sepanjang tahun Dia ialah keriangan dan kenikmatan kita—Kol. 2:16-18a.
- D. Kita harus melihat dan menyedari secara dalaman bahawa Tuhan tidak menginginkan apa-apa melainkan Kristus sendiri; matlamat Tuhan dalam pemulihannya ialah memulihkan Kristus sebagai segala-gala kepada kita—1 Kor. 1:9:
  1. Apabila Kristus masuk ke dalam kita, Dia bukan sahaja ingin menjadi hayat kita, malah ingin menjadi segala-gala bagi kita; Dia ialah nafas hayat (Yoh. 20:22), air hayat (4:14; 7:37-39), roti hayat (6:35, 48), cahaya hayat (1:4; 8:12), dan tempat tinggal hayat kita (14:23; 15:1, 4-5).
  2. Kita harus bergerak-hidup secara layak bagi Tuan agar diperkenan-Nya dalam segala sesuatu, dengan berbuah dalam setiap kerja baik melalui kita berhidupkan Kristus, menumbuhkan Kristus, mengekspresikan Kristus, dan mengembangluaskan Kristus dari setiap segi—Kol. 1:9-10.
  3. Kita harus membenarkan Tuhan menggarapkan Kristus ke dalam kita sehingga Dia menjadi segala-gala kepada kita—keriangan kita yang melangkau dan ganjaran kita yang teramat besar—Ef. 3:16-19; Mzm. 43:4a; Kej. 15:1; Yoh. 15:11; Roma 14:17; Flp. 3:14.
  4. Keperluan kita yang terbesar hari ini ialah melihat bahawa Kristus ialah Roh itu yang menghuni roh kita secara dalaman; jika kita tidak melihat butir ini, segala-gala berkenaan Kristus hanyalah doktrin yang objektif bagi kita—1 Kor. 15:45b; 2 Kor. 3:17—4:1; 2 Tim. 4:22; 1 Kor. 6:17; Yoh. 4:24.
  5. Kristus juga ialah Sabda; apabila kita menghubungi Sabda Tuan dengan roh kita, sabda-Nya menjadi roh, dan apabila sabda-Nya menjadi roh, Roh itu masuk ke dalam kita supaya kita dapat diduduki-Nya, ditransform-Nya, dan

dibaurkan dengan-Nya sepenuhnya untuk memuaskan hasrat hati Tuhan—Ef. 6:17-18; Yoh. 5:39-40; 6:63.

- E. Apabila kita melihat Kristus almuhit dan belajar rahsia untuk menikmati-Nya, kita akan setia kepada pemulihan Tuan—Mrk. 9:7-8; Kis. 26:19, 22; 1 Kor. 1:2, 9-10; 2:9-10; 2 Kor. 2:10; 2 Tim. 4:9-18; Flp. 1:19-21a:
1. Kita harus menumpukan perhatian pada-Nya, bukan pada mana-mana orang, benda, atau perkara yang lain selain Dia; kita harus berfokus pada Dia sebagai pusat unik kita yang ditetapkan Tuhan, supaya semua masalah dalam kalangan percayawan dapat diselesaikan—1 Kor. 1:9; Wahi 2:4-5; Kol. 1:17b, 18b.
  2. Jika seseorang meninggalkan pemulihan Tuan, itu bermaksud bahawa dia tidak pernah melihat apa itu pemulihan Tuan; sama ada kita teguh berada dalam pemulihan dan terpelihara daripada perpecahan atau tidak, itu bergantung pada visi yang telah kita lihat; hanya dengan berfokus pada Kristus barulah kita dapat diselamatkan daripada perpecahan.
  3. Jika kita hanya memberi perhatian kepada Kristus sebagai pusat, pilihan, kesukaan, cita rasa, dan kenikmatan kita yang unik, ini akan memelihara kita dalam gereja dalam pemulihan Tuan hingga Dia kembali; jika tidak, kita akan berasa kecewa atau terseleweng lalu meninggalkan pemulihan Tuan.

**II. Kita harus mengikut teladan Paulus dalam Filipi dengan mengambil Kristus sebagai segala-gala:**

- A. “Kerana bagi aku, hidup adalah Kristus”—Paulus mengambil Kristus sebagai kehidupannya—1:21a.
- B. “Seperti selalu, bahkan sekarang juga, Kristus akan diperbesar dalam tubuhku sama ada hidup atau mati”—Paulus mengambil Kristus sebagai ekspresinya—ay. 20.
- C. “Hendaklah minda ini berada dalam kamu, yang juga berada dalam Kristus Yesus”—Paulus mengambil minda Kristus sebagai mindanya—2:5.
- D. “Dan didapati berada dalam-Nya, bukan mempunyai keadilbenaran aku sendiri yang berasal daripada hukum, tetapi yang menerusi iktikad dalam Kristus, iaitu keadilbenaran yang berasal daripada Tuhan dan berdasarkan iktikad”—Paulus mengambil Kristus sebagai keadilbenarannya yang dihidup keluar—3:9.
- E. “Kerana keunggulan pengetahuan terhadap Kristus Yesus Tuan aku; kerana-Nya aku telah menderitai kerugian segala sesuatu, dan mengiranya sebagai sampah supaya aku dapat beroleh Kristus”—Paulus menganggap pengetahuan tentang Kristus sebagai perkara yang paling unggul—ay. 8.
- F. “Hanya satu perkara yang aku lakukan, iaitu melupakan hal-hal yang ada di belakang dan merentangkan diri ke arah hal-hal yang ada di hadapan, aku mengejar ke arah matlamat itu untuk mendapat hadiah yang untuknya Tuhan dalam Kristus Yesus telah memanggil aku ke atas”—Paulus mengambil Kristus sebagai matlamatnya—ay. 13-14.
- G. “Dikbang-dikbang, apa jua yang benar, apa jua yang bermartabat, apa jua yang adilbenar, apa jua yang suci, apa jua yang diperkenan, apa jua yang disanjung, jika ada sebarang virtu dan jika ada sebarang pujian, fikirkanlah hal-hal sedemikian”—Paulus mengambil Kristus sebagai virtunya—4:8.
- H. “Aku berupaya melakukan segala sesuatu dalam Dia yang memperkudratkan aku”—Paulus mengambil Kristus sebagai kudratnya untuk menghidup keluar Kristus sebagai kehidupannya yang mengagumkan—ay. 13.
- I. “Aku telah belajar rasa cukup dalam apa jua keadaan aku berada. Aku tahu bagaimana hidup kekurangan dan aku tahu bagaimana hidup kelebihan; dalam setiap hal dan dalam segala sesuatu, aku telah belajar rahsia bagaimana hidup kekenyangan dan kelaparan, kelebihan dan kekurangan”—Paulus mengambil Kristus sebagai rahsianya—ay. 11-12; bd. ay. 4-7.

J. “Komanwel kita berada di syurga-syurga; dari sana juga kita menanti-nantikan Penyelamat, iaitu Tuan Yesus Kristus; Dia akan mentransfigur tubuh kita yang hina supaya dikonform kepada tubuh kemuliaan-Nya, menurut operasi-Nya yang melaluinya Dia berupaya malah menundukkan segala sesuatu kepada diri-Nya”—Paulus mengambil Kristus sebagai harapannya—3:20-21.

**III. Kita beroleh Kristus agar Dia dapat beroleh kita (ay. 12; bd. Hab. 1:1) menurut aspek berikut:**

- A. Beroleh Kristus membolehkan kita merasai hadirat Tuhan (Kristus pneumatik)—Yoh. 20:22; Kel. 33:11a, 14:
  1. Kita harus hanya takut akan satu perkara—iaitu kita kehilangan hadirat Tuan kita—2 Kor. 2:10; bd. Ef. 4:30; 1 Tes. 5:19.
  2. “Dia akan menghidupkan kita selepas dua hari; / Pada hari ketiga, Dia akan membangkitkan kita, / Dan kita akan hidup dalam hadirat-Nya” (Hos. 6:2)—realiti hari ketiga ialah persona, hadirat, Kristus yang bangkit berserta realiti kepulihbangkitan (Hab. 3:2).
- B. Beroleh Kristus menjadikan kita berasa terang dan jelas secara dalaman—Wahi 22:1; Yoh. 1:4; 8:12; Yeh. 1:22, 26.
- C. Beroleh Kristus menjadikan kita berasa dibekali secara dalaman dengan mempunyai Kristus sebagai makanan rohani dan minuman rohani kita—1 Kor. 10:3-4; Yoh. 6:57; 4:10, 14, 24; 1 Kor. 12:3b, 13.
- D. Beroleh Kristus menjadikan kita bertumbuh dalam hayat dan ditransform kepada imej-Nya—Kol. 2:19; 2 Kor. 3:18; Roma 12:2.
- E. Beroleh Kristus menjadikan kita penuh bertenaga dan dapat bertindak—Dan. 11:32b; Kis. 1:8; 5:20; 13:1-4; 1 Kor. 14:31; bd. Yeh. 3:1-3; Mzm. 68:11-13, 19.

**IV. Untuk mengambil Kristus sebagai segala-gala dan beroleh Dia dalam segala sesuatu, kita harus belajar menyangkal diri kita dan berpaling kepada roh kita secara berterusan:**

- A. Kita harus masuk ke dalam roh kita dengan sepenuhnya kerana Tuan yang merupakan Roh itu, yakni realiti Tubuh, berada dalam roh kita—2 Tim. 4:22; Ef. 1:17; 2:22; 3:5, 16; 4:23; 5:18; 6:18.
- B. Kita harus belajar bagaimana menetapkan minda kita pada roh; dengan kata lain, kita harus belajar bagaimana menaruh kepercayaan kepada Tuhan dan bergantung pada Tuan; rahsia yang sebenar untuk menjalani kehidupan orang Kristian demi kehidupan gereja ialah menetapkan minda kita pada roh—Roma 8:6.
- C. Berpaling kepada roh ialah rahsia untuk menjadi seorang Kristian; cara untuk mengikut Tuan, menikmati kekayaan Tuan, hidup dalam realiti Tubuh Kristus, dan berfungsi dalam ministri Wasiat Baru ialah terus-menerus berlatih menolak diri kita, kehilangan hayat-sukma kita, dan berpaling kepada roh kita—2 Kor. 3:3, 6, 16—4:1; 2 Tim. 4:22; Flp. 1:19; Roma 8:16.
- D. Kerja Tuan yang kita laksanakan melalui kudrat Roh Kudus ialah kerja yang bermula dengan roh dan berakhir dengan roh; kerja ini bermula dari roh kita dan berakhir dalam roh orang lain—1 Kor. 2:4-5, 13, 15; 2 Kor. 3:6; 13:3; bd. Mzm. 42:7a.
- E. Kita mempunyai roh untuk menghubungi dan menerima Tuhan, dan sukma untuk menghidup keluar dan mengekspresikan Tuhan; menerima Tuhan, menghidup keluar Tuhan, dan mengekspresikan Tuhan seharusnya menjadi keriangan, keseronokan, dan hiburan kita—Yoh. 4:10, 14, 24; 6:57; Luk. 1:46-47; 1 Kor. 10:31.
- F. Sukma dicipta oleh Tuhan untuk mengekspresikan-Nya, bukan untuk kenikmatan atau kesukaannya sendiri; dalam ekonomi Tuhan, tidak ada kenikmatan untuk kepentingan sendiri; ministri Paulus adalah untuk mendispenkan kekayaan Kristus sebagai kurnia kepada percayawan demi kenikmatan mereka—Kej. 1:26; 2:7; Ef. 3:2.

- G. Menyangkal diri kita bererti menolak hasrat, kesukaan, dan pilihan sukma; dosa pertama manusia ialah melakukan sesuatu untuk dirinya, memuaskan diri—Kej. 3:1-7.
- H. Apa-apa sahaja yang keluar daripada diri kita (minda, emosi, dan tekad bagi sukma kita yang jatuh) adalah berkaitan dengan Syaitan dan demon—Mat. 16:21-27:
  - 1. Sebagai isteri Yehova yang tidak suci, Israel menjadi jahat; kita perlu menyedari bahawa sebaik sahaja kita meninggalkan Tuhan, kita juga mungkin melakukan berjenis-jenis kejahatan—Hos. 4:1; Ef. 4:17-21.
  - 2. Kita harus menyedari bahawa jika kita tidak kekal berada dalam persekutuan dengan Tuhan dalam roh, kita akan kehilangan hadirat Tuhan dan mudah berada dalam tubuh daging serta berkelakuan seperti orang duniawi—Flp. 2:1-2; 1 Yoh. 1:3; Ef. 4:17-19; Kej. 20; bd. 12:11-13; 13:18.
  - 3. Kita memang tidak boleh bercuti daripada persekutuan kita dengan Tuhan dalam roh; perlindungan kita bukan diri kita, tetapi hadirat Tuhan—1 Yoh. 1:3; bd. Mzm. 31:20.
- I. Doa ialah penyangkalan diri yang sebenar:
  - 1. Sebenarnya, kita tidak perlu berdoa panjang lebar; cukuplah sekadar menyeru “O Tuan Yesus”; bahkan doa pendek yang sedemikian bermaksud “bukan lagi aku tetapi Kristus”—Roma 10:12-13; Gal. 2:20.
  - 2. Doa kita mempersaksikan bahawa kita tidak bergantung pada usaha sendiri untuk menangani situasi tertentu (untuk “mengusir demon”); sebaliknya, kita mengaplikasikan Kristus—Mrk. 9:14-29.
  - 3. Berdoa bererti mengamalkan visi berkenaan Kristus berserta kematian dan kebangkitan-Nya yang menjadi pengganti kita, supaya kita dapat “dikristuskan” sepenuhnya untuk memuaskan hasrat hati Tuhan—ay. 2-13.